

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	9 March 2016

Turut gesa pecat keahlian Muhyiddin, Sanusi, Mukhriz

Lucut Pengerusi GLC

UM - 9/3/2016

Oleh FITRI AFFENDI MUSTAFA
pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 8 MAC

KELAB Naib Ketua UMNO Bahagian 1Malaysia menggesa kerajaan untuk melucutkan jawatan yang dipegang bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad sebagai pengerusi di syarikat milik kerajaan (GLC).

Pengerusinya, Datuk Muhd. Anuar Mohd. Yunus berkata, pihaknya kecewa serta tersinggung dengan penglibatan Dr. Mahathir dalam gerakan menjatuhkan Datuk Seri Najib Tun Razak sebagai Perdana Menteri secara tidak berperlembagaan.

Malah beliau berkata, pihaknya turut menyarankan agar Majlis Tertinggi (MT) UMNO memecat keahlian Tan Sri Muhyiddin Yasin, Tan Sri Sanusi Junid dan Datuk Seri Mukhriz Mahathir serta sesiapa sahaja yang menandatangani deklarasi bersama-sama pihak pembang-

kang pada Jumaat lalu.

"Kami mengecam dan menolak sekeras-kerasnya segala bentuk penglibatan bekas pemimpin, pemimpin semasa serta ahli UMNO yang sanggup bersetuju, bersekutu dan menurunkan tandatangan ke atas sebuah dokumen yang berjudul 'Selamatkan Malaysia'.

"Oleh itu, kami berpendirian persekongkolan Dr. Mahathir, Muhyiddin dan Mukhriz yang sanggup berada sepentas bersama-sama pemimpin pembangkang khususnya DAP yang dahulunya pernah mencaci dan mencela mereka dahulu terutamanya dalam setiap elemen serta institusi berciri Melayu dan Islam," katanya dalam sidang akhbar yang dihadiri 80 Naib Ketua UMNO Bahagian, di sini hari ini.

Memorandum kelab tersebut telah diserahkan Muhd. Anuar kepada Ketua Setiausaha Pejabat UMNO, Azwan Aziz yang mewakili Setiausaha Agung UMNO, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor.

Mengulas lanjut, Muhd. Anuar yang juga Naib Ketua UMNO Bahagian Temerloh menegaskan, pihaknya mengatakan taat setia serta sokongan tanpa berbelah-bahagi terhadap Najib untuk terus memimpin negara selaku Perdana Menteri, Pengerusi Barisan Nasional (BN) dan Presiden UMNO.

Beliau berkata, pihaknya akan mengusulkan agar MT UMNO mempertimbangkan usaha pemutihan yang lebih luas untuk membersihkan parti daripada mana-mana individu yang tidak sehaluan dengan pucuk pimpinan parti.

"Malah, sesiapa jua dalam kalangan ahli dan pemimpin UMNO yang bersetuju, bersekutu dan bekerjasama dengan Gerakan 'Selamatkan Malaysia' adalah seumpama berfungsi sebagai satu komponen kecil kepada suatu jentera besar yang digerakkan untuk menumbangkan UMNO dan BN sebagai satu kepimpinan Melayu Islam di Malaysia," tegasnya.

DAP TAK RUGI BERSAMA MAHATHIR

Agenda jatuhkan Najib dan menjahanamkan UMNO

Apa yang berlaku berkaitan dengan pengumuman Tun Dr. Mahathir Mohamad, di Kuala Lumpur minggu ini, adalah, mungkin berhubung dengan peribadi, termasuklah Tun Dr. Mahathir Mohamad yang telah mengumumkan bahawa beliau akan bersekutu dengan DAP untuk menjatuhkan Najib Razak.



Terdapat beberapa kenyataan oleh Dr. Mahathir Mohamad, termasuklah pengumuman yang berhubung dengan bersekutu dengan DAP untuk menjatuhkan Najib Razak.

KERATAN Mingguan
Malaysia baru-baru ini.